



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**10 MEI 2019 (JUMAAT)**

**AKHBAR**

**MUKA SURAT**

**Sinar Harian**

- MPAJ kenal pasti punca banjir April lalu

37



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**10 MEI 2019 (JUMAAT)**

|              |  |
|--------------|--|
| Akhbar       | Sinar Harian                             |
| Tajuk Berita | MPAJ kenal pasti punca banjir April lalu |
| Muka Surat   | 37                                       |

## MPAJ kenal pasti punca banjir April lalu

SH 10/5/19 ms 37

**TERATAI** – Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) telah mengenalpasti punca banjir kilat di kawasan premis di Jalan Teratai 1/2E Taman Bukit Teratai pada pertengahan April lalu.

Ahli Majlis MPAJ, Mohamad Samat berkata, siasatan mendapati batu konkrit penutup longkang pecah dan mengakibatkan saluran tersumbat.

“Sebelum ini, kawasan tersebut tidak pernah berlaku banjir, kontraktor KDEB Waste Management Sdn Bhd telah menjalankan operasi pembersihan longkang dan mengeluarkan sisa batu yang pecah itu,” katanya ketika dihubungi *Sinar Harian*, semalam.

Justeru, Mohamad berharap penduduk dan peniaga di kawasan berkenaan menjaga kebersihan bagi mengelakkan perkara sama berlaku.

“Jangan buang sampah merata-rata terutama ke dalam longkang. Tindakan itu juga boleh mengakibatkan longkang tersumbat dan berkemungkinan banjir,” katanya.



Kontraktor KDEB Waste Management Sdn Bhd menjalankan operasi pembersihan di Taman Bukit Teratai baru-baru ini.